

TERMA DAN SYARAT PEDAGANG

20211020

TERIMA KASIH KERANA MEMILIH PERKHIDMATAN INI!

SILA BACA DAN FAHAM TERMA DAN SYARAT PEDAGANG BERIKUT YANG MENTADBIR AKSES DAN/ATAU PENGGUNAAN PERKHIDMATAN INI.

JIKA PADA BILA-BILA MASA ANDA TIDAK MENERIMA SEBARANG ATAU SEMUA TERMA DAN SYARAT PEDAGANG INI, ANDA HENDAKLAH SEGERA MENAMATKAN PERKHIDMATAN INI.

1. KETERANGAN MENGENAI PERKHIDMATAN

- 1.1 Perkhidmatan ini memudahkan pelaksanaan pembayaran daripada Pelanggan kepada anda. Sebarang wang pembayaran yang dikutip daripada Pelanggan dan diterima oleh kami akan dipindahkan ke dalam Akaun Bank Pedagang mengikut terma dan syarat Perjanjian ini.
- 1.2 Pembekalan Perkhidmatan dan ketersediaan Platform ini adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa yang Berkenaan dan Undang-Undang, dan tiada apa-apa yang terkandung dalam Terma dan Syarat Pedagang boleh menjejaskan hak dan kewajiban kami untuk mematuhi Pihak Berkuasa yang Berkenaan dan Undang-Undang tersebut.

2. DEFINISI DAN INTERPRETASI

- 2.1 Definisi.
Melainkan jika konteksnya memerlukan sebaliknya, perkataan dan ungkapan berikut mempunyai maksud berikut: -

“Agensi Pelaporan Kredit”	bermaksud seseorang yang menjalankan perniagaan pelaporan kredit dan didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.
“Akaun Bank Pedagang”	bermaksud akaun bank yang dinamakan oleh anda dan diluluskan oleh kami di mana kami boleh mendebitkan atau mengkreditkan dengan pembayaran berkaitan dengan Transaksi dan berhubung bayaran Caj & Fi.
“Anda”	bermaksud entiti dalam bentuk apa-apa struktur yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilik tunggal, perkongsian, badan korporat atau badan kerajaan dan agensi, yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia, yang memperoleh Perkhidmatan sebagai pedagang seperti yang dinyatakan dalam <i>Merchant Registration Form</i> dan <i>Merchant Onboarding Form</i> .
“Bayaran Balik”	bermaksud bayaran balik atau pembalikan, sama ada secara penuh atau sebahagian, kepada Pelanggan bagi Transaksi sebelumnya antara Pelanggan dan anda.

<p>“Biro Kredit”</p>	<p>bermaksud Biro Kredit Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958 dan terus beroperasi di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009.</p>
<p>“Caj Balik”</p>	<p>bermaksud Transaksi yang tidak sah atau dipertikaikan, yang mana kami, dan/atau Pembekal Pembayaran Pihak Ketiga, mengenalpasti sebagai Transaksi yang tidak sah atau tidak boleh dipungut selepas penerimaan awal disebabkan penipuan, pengenalan akaun yang hilang / dibatalkan / tidak digunakan / tidak sah, mempunyai aduan Pelanggan tidak dapat diselesaikan, atau sebab lain yang mungkin akan dikenakan akhirnya kepada Pedagang.</p>
<p>“Caj & Fi”</p>	<p>secara kolektif bermaksud sebarang atau semua caj termasuk tetapi tidak terhad kepada Deposit, yuran terminal, yuran pendaftaran, yuran <i>onboarding</i>, yuran penyesuaian, caj-caj kami, caj-caj yang perlu dibayar kepada Pembekal Pembayaran Pihak Ketiga, dan / atau apa-apa bayaran lain yang perlu dibayar oleh anda kepada kami seperti yang dinyatakan dalam Jadual Caj.</p>
<p>“Data Peribadi”</p>	<p>mempunyai maksud yang sama seperti dalam PDPA.</p>
<p>“Deposit”</p>	<p>bermaksud sejumlah wang yang anda mungkin perlu bayar sebagai deposit dan jaminan, untuk pematuhan dan pelaksanaan peruntukan Perjanjian, penipuan atas talian, bayaran balik, caj balik dan/atau mana-mana transaksi penipuan, dalam jumlah sepertimana yang mungkin dinyatakan dalam <i>Merchant Onboarding Form</i>.</p>
<p>“Force Majeure”</p>	<p>bermaksud sebarang kejadian atau situasi berikut yang di luar kawalan kami setakat kejadian atau situasi tersebut melewati atau menyebabkan sebarang tanggungjawab atau kewajipan kami daripada dilaksanakan atau menyebabkan kami melanggar representasi, jaminan atau kewajipan di bawah Perjanjian ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) perbuatan Tuhan termasuk, tanpa had, aktiviti gunung berapi, angin puting beliung, taufan, banjir, lubang robohan, tanah runtuh, gempa bumi dan tsunami; (b) sebarang tindakan, arahan, keputusan atau dekri mana-mana Pihak Berkuasa yang Berkenaan yang menjejaskan secara material kemampuan kami untuk melaksanakan kewajipan kami di bawah Perjanjian ini; (c) enakmen bagi, perubahan kepada atau penguatkuasaan sebarang Undang-undang (termasuk sebarang perubahan dalam pemakaian atau interpretasi) yang menjejaskan secara material kemampuan kami untuk melaksanakan kewajipan di bawah Perjanjian ini; (d) pergolakan politik, ketegangan geopolitik, mogok, halang masuk, rusuhan, tindakan perang, peperangan (diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), penutupan bandar sepenuhnya atau separa, larangan perjalanan, tindakan keganasan atau tindakan keganasan yang diancam, darurat kesihatan global, pandemik, endemik; atau (e) sebarang perkara lain di luar kawalan kami.

<p>“Gabungan”</p>	<p>bermaksud mana-mana orang atau entiti yang mengawal, dikawal oleh, atau di bawah kawalan bersama sesebuah syarikat. "Kawalan" bermaksud pemilikan saham ekuiti yang membawa lima puluh peratus (50%) atau lebih daripada undi yang boleh dilaksanakan di mesyuarat agung (atau yang setara) syarikat.</p>
<p>“Jadual Caj”</p>	<p>bermaksud jadual yang dimasukkan dalam <i>Merchant Onboarding Form</i> yang menetapkan Caj & Fi, seperti yang dipinda atau dikemas kini dari semasa ke semasa.</p>
<p>“Jadual Kitaran Penyelesaian”</p>	<p>bermaksud jadual yang dimasukkan dalam <i>Mechant Onboarding Form</i> yang menetapkan penyelesaian Penyelesaian pada masa dan kekerapan yang dipersetujui antara pihak.</p>
<p>“Jadual Proses Penyelesaian Pedagang” atau “Proses Penyelesaian”</p>	<p>bermaksud proses Penyelesaian yang sedia ada di Laman Web, seperti yang dipinda atau dikemas kini dari semasa ke semasa.</p>
<p>“Jadual Process Pertikaian Pedagang”</p>	<p>bermaksud proses untuk menyelesaikan apa-apa percanggahan atau pertikaian berkaitan dengan Penyelesaian yang sedia ada di Laman Web, sepertimana yang dipinda atau dikemas kini dari semasa ke semasa.</p>
<p>“Jadual Proses Pertikaian Pedagang-Pelanggan”</p>	<p>bermaksud proses menyelesaikan sebarang pertikaian yang dibangkitkan oleh Pelanggan dengan anda, yang sedia ada di Laman Web, sepertimana yang dipinda atau dikemas kini dari semasa ke semasa.</p>
<p>“Kerugian”</p>	<p>bermaksud apa-apa dan semua kos, penghakiman, yuran, denda, ganti rugi, pembayaran, penalti, liabiliti, taksiran, award, kerugian langsung, termasuk, kos atau perbelanjaan saku (termasuk bunga, penalti, penyiasatan, yuran guaman atas dasar peguamcara dan klien, perakaunan atau fi profesional lain, dan kos atau perbelanjaan lain yang semunasabahnya dikenakan dalam penyiasatan, kutipan, pendakwaan dan pembelaan apa-apa tindakan dan jumlah yang dibayar dalam penyelesaian) yang dikenakan berkaitan dengannya.</p>
<p>“kiple”, “kami” atau “kita”</p>	<p>bermaksud Kiplepay Sdn Bhd (510377-P/ 200001007771).</p>
<p>“Laman Web”</p>	<p>bermaksud laman web yang dimiliki dan/atau diuruskan oleh kami (sepertimana yang dipinda dari semasa ke semasa) yang kini boleh diakses di www.kiple.com, tidak termasuk mana-mana laman web luaran yang mana laman web rujukkan dengan cara hiperpautan atau sebagainya.</p>
<p>“Laporan Penyelesaian”</p>	<p>bermaksud sejarah Transaksi dan semua maklumat yang berkaitan dengan Transaksi yang diperolehi dari Portal.</p>

<p>“Maklumat Sulit”</p>	<p>bermaksud: -</p> <p>(a) apa-apa maklumat, sama ada bertulis atau apa-apa bentuk lain, yang telah dizahirkan oleh Pihak yang Menzahirkan kepada Pihak yang Menerima; dan</p> <p>(b) apa-apa maklumat, sama ada bertulis atau apa-apa bentuk lain, yang telah dizahirkan oleh Pihak yang Menzahirkan kepada pihak yang Menerima dan dengan sifatnya patut dianggap sebagai sulit yang mungkin atau tidak mungkin telah dizahirkan kepada pihak lain di bawah Perjanjian ini, menurut Perjanjian atau selainnya berkaitan dengan Perjanjian; atau yang menjadi sedia ada kepada Pihak yang Menerima dalam tempoh Perjanjian (tanpa mengira sama ada ditandakan secara bertulis sebagai "sulit"), maklumat tersebut termasuk Laporan Penyelesaian, Data Peribadi, maklumat mengenai Pelanggan, Transaksi, <i>Merchant Onboarding Form</i>, Caj & Fi, Jadual Kitaran Penyelesaian, <i>Merchant Change Form</i>, <i>Merchant Rate Change Notice</i>, rahsia perdagangan dan maklumat sensitif perniagaan.</p>
<p>“<i>Merchant Change Form</i>”</p>	<p>bermaksud borang yang disediakan oleh kami kepada anda untuk melanggan perkhidmatan tambahan dan/atau mengemaskini butiran dan maklumat anda.</p>
<p>“<i>Merchant Onboarding Form</i>”</p>	<p>bermaksud borang pendaftaran yang disediakan oleh kami yang menetapkan Perkhidmatan yang dilanggan, Jadual Caj, Jadual Kitaran Penyelesaian, dan sebarang terma dan syarat tambahan lain.</p>
<p>“<i>Merchant Rate Change Notice</i>”</p>	<p>bermaksud notis dalam bentuk yang kami berikan yang memaklumkan kepada anda tentang perubahan yang berkaitan dengan Caj & Fi.</p>
<p>“<i>Merchant Registration Form</i>”</p>	<p>bermaksud sebarang borang atas atau luar talian yang disediakan oleh kami dan diisi berkenaan anda bersama dengan maklumat yang diminta oleh kami untuk memenuhi keperluan <i>Know-Your Customer</i> (KYC) dan untuk membenarkan penilaian permohonan anda dan kesesuaian yang berterusan sebagai perniagaan untuk menerima Perkhidmatan dari kami.</p>
<p>“PDPA”</p>	<p>bermaksud Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan termasuk perundangan subsidiari, standard dan kod amalannya.</p>
<p>“Pelanggan”</p>	<p>bermaksud mana-mana pelanggan yang membuat apa-apa pembayaran kepada anda untuk barangan atau perkhidmatan yang dibeli, pembayaran bil, atau sebaliknya membuat pembayaran kepada anda melalui penggunaan Perkhidmatan.</p>
<p>“Pembekal Pembayaran Pihak Ketiga”</p>	<p>bermaksud institusi kewangan atau pemilik saluran yang akan kami salurkan data Transaksi bagi tujuan untuk mendapatkan kebenaran, penjelasan dan penyelesaian.</p>
<p>“Penilaian Kredit”</p>	<p>bermaksud maklumat mengenai kelayakan kredit anda, kedudukan kredit anda, sejarah kredit anda atau kapasiti kredit anda.</p>

"Penyelesaian"	bermaksud pembayaran atau pemindahan dana oleh kami kepada Akaun Bank Pedagang berdasarkan Laporan Penyelesaian yang telah ditolak Potongan.
"Perjanjian" atau "Perjanjian Pedagang"	secara kolektif bermaksud: - (a) Terma dan Syarat Pedagang ini; (b) <i>Merchant Registration Form</i> ; (c) <i>Merchant Onboarding Form</i> ; (d) apa-apa terma dan syarat yang disediakan oleh Pembekal Pembayaran Pihak Ketiga; dan (e) semua borang, jadual, dan/atau lampiran yang terpakai.
"Perkhidmatan"	secara kolektif bermaksud sebarang perkhidmatan yang kami berikan kepada anda, termasuk Perkhidmatan Pembayaran Wallet Digital, Perkhidmatan Gerbang Pembayaran, Promosi, dan/atau sebarang perkhidmatan lain yang sedia ada atau ditarik balik oleh kami dari semasa ke semasa.
"Perkhidmatan Gerbang Pembayaran"	bermaksud kaedah pembayaran elektronik, seperti kad kredit atau kad debit, dan/atau perbankan dalam talian FPX, yang disediakan oleh Pembekal Pembayaran Pihak Ketiga, yang membolehkan anda melaksanakan Transaksi.
"Perkhidmatan Pembayaran Wallet Digital"	bermaksud perkhidmatan kami yang membolehkan Pelanggan membuat pembayaran kepada anda melalui aplikasi mudah alih kami.
"Pihak Berkuasa yang Berkenaan"	bermaksud (i) kerajaan persekutuan Malaysia, (ii) mana-mana kerajaan negeri, atau kerajaan tempatan, (iii) mana-mana agensi, pihak berkuasa atau instrumen kepada mana-mana yang disebut di atas, termasuk mana-mana mahkamah, tribunal, jabatan, biro, suruhanjaya atau lembaga, atau (iv) pihak berkuasa yang berkenaan di negara asing, jika terpakai.
"Pihak yang Menzahirkan"	bermaksud pihak yang menzahirkan Maklumat Sulit.
"Pihak yang Menerima"	bermaksud pihak yang menerima Maklumat Sulit.
"Platform"	secara kolektif bermaksud Laman Web, aplikasi mudah alih, Media Sosial kami, dan / atau mana-mana platform (sama ada diketahui sekarang atau pada masa depan) yang disediakan oleh kami dari semasa ke semasa untuk memberikan anda Perkhidmatan.
"Portal"	bermaksud alat pentadbiran dan pelaporan yang disediakan kepada anda melalui atas talian sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan.
"Potongan"	bermaksud dan termasuk (jika terpakai): - (a) Caj & Fi; (b) Bayaran Balik; (c) Caj Balik; (d) denda atau fi yang disampaikan kepada kami oleh Pembekal Pembayaran Pihak Ketiga;

	<p>(e) caj Pembekal Pembayaran Pihak Ketiga;</p> <p>(f) cukai barangan dan perkhidmatan atau cukai lain yang serupa; dan/atau</p> <p>(g) apa-apa caj lain atau amaun yang kena dibayar kepada kami di bawah Perjanjian.</p>
“Promosi”	bermaksud promosi khas yang dibuat oleh kami berkaitan dengan Perkhidmatan semasa tempoh promosi.
“Tanda Promosi”	bermaksud sepanduk, risalah, nama atau reka bentuk yang diluluskan oleh kami dan diberikan kepada anda dari semasa ke semasa.
“Tarikh Mula Perkhidmatan”	bermaksud tarikh di mana kami mula menyediakan Perkhidmatan tersebut kepada anda dan ia sedia ada untuk kegunaan anda, sama ada anda menggunakannya atau tidak.
“Tuntutan”	bermaksud apa-apa permintaan, tuntutan, tindakan, prosiding atau penyiasatan.
“Undang-Undang”	bermaksud Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Peraturan-Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing Bank Negara Malaysia, Akta Wang Tak Dituntut 1965, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, Akta Perlindungan Pengguna 1999, PDPA, Kanun Keseksaan, dan mana-mana undang-undang (sama ada dalam negeri atau antarabangsa), statut, kod, peraturan, garis panduan, notis, ordinar, peraturan, arahan, perintah, penghakiman, writ, injunksi atau dekri, dan termasuk apa-apa perubahan dalam permohonan atau tafsirannya.
“Transaksi”, “Bertransaksi” atau “Telah Ditransaksi”	bermaksud apa-apa transaksi antara anda dan Pelanggan yang menggunakan Perkhidmatan kami untuk membekalkan apa-apa barang atau perkhidmatan daripada anda dan apa-apa urusan niaga untuk Bayaran Balik pembelian tersebut.

- 2.2 Interpretasi. Kecuali terdapat sesuatu dalam subjek atau konteks, perkataan berikut diberikan interpretasi berikut: -
- singular termasuk plural dan sebaliknya dan rujukan kepada mana-mana jantina termasuk rujukan kepada semua jantina lain;
 - rujukan kepada mana-mana undang-undang termasuk rujukan kepada undang-undang dan peraturan sepertimana ia mungkin dipinda dari semasa ke semasa, ditambah atau digubal semula;
 - Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepadanya atau mereka yang diubah, ditambah atau dimulakan dari semasa ke semasa;
 - tajuk Perjanjian hanya dimasukkan untuk kemudahan untuk rujukan sahaja dan tidak mempunyai apa-apa kesan ke atas interpretasi atau konstruksi Perjanjian; dan
 - hanya kerana kami bertanggungjawab untuk penyediaan Perjanjian, atau mana-mana bahagiannya, peraturan konstruksi tidak akan terpakai bagi kelemahan kami.

3. PERMOHONAN APLIKASI DAN PENILAIAN KREDIT ANDA

- 3.1 Kami hanya akan memasuki perjanjian dengan anda jika perniagaan anda beroperasi di Malaysia atau sekiranya anda bermastautin di Malaysia.
- 3.2 Apabila anda menyerahkan *Merchant Registration Form*, anda meminta kami membekalkan Perkhidmatan kepada anda. Kami mempunyai budi bicara mutlak untuk menentukan kelayakan anda dan berhak menolak permohonan anda dan/atau menolak penyediaan Perkhidmatan kepada anda, pada bila-bila masa yang material, tanpa liabiliti, walaupun kami tidak memberi alasan kepada anda. Keputusan kami adalah muktamad dan anda tidak berhak untuk mempersoalkan keputusan kami. Kami mungkin meminta anda untuk membayar Deposit yang kami anggap sesuai.
- 3.3 Anda bersetuju bahawa sebagai sebahagian daripada proses permohonan, kami boleh menyemak Penilaian Kredit anda melalui Agensi Pelaporan Kredit dan/atau Biro Kredit. Kami boleh melakukan pemeriksaan kredit lanjut pada anda selagi anda masih pelanggan kami. Anda faham bahawa pertanyaan kredit boleh menjejaskan Penilaian Kredit anda. Tertakluk kepada apa-apa kehendak undang-undang di bawah PDPA untuk menzahirkan Data Peribadi kepada anda, kami tidak perlu menzahirkan kriteria kredit kami atau sebab-sebab bagi keputusan kami kepada anda (tidak kira sama ada atau tidak ia berkaitan dengan penolakan permohonan anda, menyediakan perkhidmatan terhad kepada anda, atau sebaliknya). Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklumat yang diberikan oleh Agensi Pelaporan Kredit dan/atau Biro Kredit, anda perlu menghubungi mereka secara langsung. Anda sedar dan bersetuju bahawa kami boleh melaporkan rekod pembayaran anda kepada mana-mana Agensi Pelaporan Kredit dan/atau Biro Kredit pada bila-bila masa.

4. PERMULAAN, TEMPOH DAN KEUTAMAAN

- 4.1 Bilakah Perjanjian bermula?
Kami akan menganggap bahawa anda bersetuju untuk terikat oleh Perjanjian apabila mana-mana peristiwa berikut berlaku, mengikut mana yang lebih awal, dan ia akan terus berlaku sehingga ditamatkan menurut Terma dan Syarat Pedagang: -
(a) sebaik sahaja kami melaksanakan *Merchant Onboarding Form*;
(b) dari Tarikh Mula Perkhidmatan; atau
(c) apabila anda mula menggunakan Perkhidmatan.
- 4.2 Permulaan Perkhidmatan
Kami akan membekalkan Perkhidmatan kepada anda dari Tarikh Mula Perkhidmatan, sehingga ditamatkan mengikut Perjanjian.
- 4.3 Tempoh
Ini adalah perjanjian tempoh panjang bukan tetap, oleh itu, kami akan membekalkan anda Perkhidmatan atas dasar bulan ke bulan sehingga Perkhidmatan ditamatkan selaras dengan Terma dan Syarat Pedagang.

5. PERALATAN

- 5.1 Anda mempunyai pilihan untuk membeli peralatan tertentu atau kami boleh menyediakan peralatan tersebut kepada anda secara pinjaman. Sekiranya anda membeli secara langsung, peralatan tersebut adalah milik anda. Oleh itu, anda bertanggungjawab terhadap peralatan apabila anda menerimanya daripada kami.

5.2 Peralatan Pinjaman.

Jika peralatan dimasukkan sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan: -

- (a) peralatan itu diberikan kepada anda secara pinjaman dan tetap menjadi milik kami;
- (b) anda bertanggungjawab terhadap peralatan apabila anda menerimanya;
- (c) anda mesti mengambil penjagaan yang munasabah terhadap peralatan tersebut dan bersetuju bahawa jika anda gagal berbuat demikian, anda akan bertanggungjawab untuk kos pembaikan atau penggantian;
- (d) anda tidak boleh mengubah atau menyesuaikan peralatan dengan apa cara sekalipun, kecuali sebagaimana yang diberikuasa oleh kami;
- (e) anda mesti memaklumkan kepada kami dengan serta-merta sekiranya peralatan tidak berfungsi, rosak, hilang atau dicuri;
- (f) anda mesti mengembalikan peralatan tersebut kepada kami dalam tempoh tujuh (7) hari daripada penamatan Perjanjian;
- (g) anda mesti mengembalikan peralatan tersebut kepada kami apabila diminta;
- (h) anda akan membayar caj penalti sekiranya peralatan rosak, hilang, atau dicuri; dan/atau jika anda gagal mengembalikan peralatan kepada kami. Caj penalti sedemikian akan segera menjadi hutang yang kena dibayar dan akan dibayar oleh anda kepada kami apabila berlakunya mana-mana kejadian yang dinyatakan dalam perenggan yang terdahulu.

5.3 Peralatan Pihak Ketiga.

Kami tidak bertanggungjawab ke atas sebarang peralatan pihak ketiga yang anda gunakan untuk mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan. Anda mesti memastikan bahawa peralatan pihak ketiga tersebut mematuhi keperluan standard minimum untuk membolehkan anda menggunakan Perkhidmatan ini.

6. KEWAJIPAN & AKTIVITI ANDA

6.1 Integrasi.

Bergantung kepada Perkhidmatan yang anda langgan, anda akan mengintegrasikan Perkhidmatan ke dalam laman web atau sistem anda dan mengendalikannya selaras dengan proses atau dasar yang kami sediakan kepada anda.

6.2 Tanda Promosi.

Anda hendaklah memastikan bahawa Tanda Promosi dipaparkan dengan jelas di laman web anda dan/atau di laman pembayaran laman web anda.

6.3 Aktiviti Larangan.

- (a) Kami tidak akan bekerja dengan pedagang yang melanggar Undang-undang. Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk mengetahui sama ada barangan atau perkhidmatan yang anda bekalkan mematuhi Undang-undang. Penjualan barangan haram, tidak selamat, atau barangan atau perkhidmatan terbatas lain, adalah dilarang sama sekali. Jika anda membekalkan apa-apa barangan atau perkhidmatan yang melanggar Undang-undang atau mana-mana dasar kami, kami akan mengambil tindakan pembetulan, sepertimana yang sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepadapenggantungan atau penamatan kontrak anda dengan kami dengan segera. Penjualan barangan atau perkhidmatan yang tidak sah atau tidak selamat juga boleh membawa kepada tindakan undang-undang, termasuk penalti sivil dan jenayah.
- (b) Anda tidak boleh menerima sebarang Transaksi :-
 - (i) yang anda tahu, atau sepatutnya tahu, adalah menyalahi undang-undang, bersifat penipuan atau tidak wajar;
 - (ii) berkaitan dengan penjualan atau pertukaran sebarang barangan atau perkhidmatan atau mana-mana Transaksi lain yang menyalahi undang-undang;
 - (ii) bagi pihak ketiga (melainkan kami telah memberikan kebenaran bertulis terlebih dahulu untuk berbuat demikian); dan/atau

- (iii) menerima Transaksi semasa berniaga di bawah nama mana-mana syarikat atau perniagaan selain yang dinyatakan dalam *Merchant Registration Form* dan *Merchant Onboarding Form* tanpa memperoleh kebenaran bertulis daripada kami terlebih dahulu.

6.4 Penyiasaan.

Anda akan bekerjasama dengan kami untuk menyiaskan mana-mana aktiviti yang disyaki menyalahi undang-undang, bersifat penipuan atau aktiviti yang tidak wajar.

6.5 Perlindungan Pelanggan.

- (a) Kami mengambil berat tentang Pelanggan kami dan oleh itu anda hendaklah sentiasa mematuhi Akta Perlindungan Pengguna 1999;
- (b) Anda hendaklah memastikan bahawa komunikasi antara anda dan Pelanggan dikendalikan secara eksklusif menggunakan sambungan yang dijamin terhadap manipulasi data mengikut piawaian perlindungan industri;
- (c) Anda tidak akan mengenakan caj pemprosesan kepada Pelanggan untuk memproses bayaran, menaikkan bayaran atau surcaj lain untuk membuat pembayaran melalui Perkhidmatan;
- (d) Anda akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk membantu kami menangani tuntutan oleh Pelanggan; dan
- (e) Anda mewakili dan memberi jaminan kepada kami bahawa barangan atau perkhidmatan anda yang anda tawarkan akan dibekalkan mengikut kontrak, nyata atau tersirat, antara anda dan Pelanggan.

6.6 Akaun Bank Pedagang.

- (a) Anda hendaklah, pada setiap masa dalam tempoh kami memproses Transaksi untuk anda, mengekalkan Akaun Bank Pedagang yang boleh diterima oleh kami bagi membolehkan kami membuat bayaran kredit kepada anda, dan untuk mendebit sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh anda kepada kami, secara debit langsung atau sebaliknya sebagaimana yang dikehendaki oleh kami. Jika anda memerlukan lebih daripada satu akaun sedemikian, anda mesti memperoleh persetujuan bertulis daripada kami terlebih dahulu.
- (b) Sekiranya anda ingin mengubah Akaun Bank Pedagang, anda mesti memberi kami notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari, disertakan dengan dokumen relevan yang diperlukan. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk apa-apa kerugian yang disebabkan oleh sebarang kelewatan dalam pembayaran dana penyelesaian kepada anda disebabkan oleh dan/atau semasa perubahan dalam Akaun Bank Pedagang.

6.7 Laporan Pedagang.

- (a) Anda hendaklah menyimpan rekod yang benar dan tepat selaras dengan Undang-Undang yang terpakai dan untuk membolehkan kami memastikan pematuhan anda terhadap terma Perjanjian. Rekod sedemikian hendaklah dikekalkan sama ada: i) untuk tempoh yang ditetapkan oleh Undang-Undang yang terpakai bagi penyimpanan rekod tersebut atau ii) sepanjang tempoh dan sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun selepas penamatan Perjanjian, yang mana tempoh lebih lama.
- (b) Anda mesti menyimpan semua maklumat yang berkaitan dengan Transaksi dan, di mana relevan, Bayaran Balik dengan selamat.
- (c) Anda akan menyimpan dan mengemukakan resit "Salinan Pedagang" sekiranya diminta bagi setiap Transaksi selama tujuh (7) tahun selepas tarikh penyempurnaan Transaksi (atau tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dikehendaki oleh Pembekal Pembayaran Pihak Ketiga atau Undang-Undang yang terpakai).

6.8 Insurans.

Anda hendaklah mengambil dan mengekalkan menggunakan perbelanjaan anda sendiri insurans yang sesuai dengan syarikat insurans yang bereputasi berhubung kewajipan anda di bawah Perjanjian ini dan barangan atau perkhidmatan yang anda bekalkan kepada Pelanggan.

- 6.9 Keselamatan.
- Anda harus, selain perkara lain, mengambil langkah-langkah berikut untuk melindungi diri daripada sebarang transaksi bersifat penipuan: -
- (a) cadangan kuat untuk memenuhi keperluan Know-Your Customer (KYC) supaya butiran Pelanggan adalah sepadan dengan Kad Pengenalan atau passport Pelanggan;
 - (b) mengimbas salinan Kad Pengenalan/pasport Pelanggan untuk pengesahan profil pengguna (amat disyorkan);
 - (c) kad kredit atau kad debit Malaysia: pengesahan 3D bagi mana-mana Transaksi, menetapkan fungsi tambah nilai secara berulang atau auto;
 - (d) kad kredit atau kad debit asing: pengesahan melalui cetakan jari biometrik untuk melengkapkan pembayaran (pengesahan 3D adalah tidak terpakai);
 - (e) pengesahan melalui cetakan biometrik untuk tujuan tambah nilai secara berulang atau auto;
 - (f) bagi pengesahan 2D (hanya untuk pembayaran melalui terminal pedagang) mendidik Pelanggan supaya tidak menetapkan kata laluan dengan satu digit;
 - (g) menggunakan address verification system (AVS); dan
 - (h) menggunakan Card verification value (CVV).

7. PENYELESAIAN

- 7.1 Mata Wang.
- Kami akan menghantar semua Penyelesaian kepada Akaun Bank Pedagang dalam Ringgit Malaysia (atau mata wang lain yang kami mungkin bersetuju dari semasa ke semasa) melalui pemindahan kawat atau kaedah lain yang ditentukan oleh kami.
- 7.2 Penyelesaian.
- Tertakluk kepada Klausula 7, kami akan menghantar Penyelesaian kepada anda selaras dengan Jadual Proses Penyelesaian Pedagang dan Jadual Kitaran Penyelesaian.
- 7.3 Perubahan dalam Caj & Fi.
- Kami boleh menukar kadar atau asas bagi Caj & Fi kami pada bila-bila masa. Tanpa menjejaskan peruntukan yang terdahulu, berkenaan dengan Pembekal Pembayaran Pihak Ketiga, kami boleh menukar Caj & Fi kerana (a) perubahan dalam fi, atau fi yang ditambahkan oleh Pembekal Pembayaran Pihak Ketiga, (b) perubahan harga oleh mana-mana pembekal pihak ketiga bagi produk atau perkhidmatan yang digunakan oleh anda. Kami akan memaklumkan anda tentang perubahan Caj & Fi mengikut Klausula 18.1 (Notis).
- 7.4 Penyesuaian.
- Berhubung dengan setiap Penyelesaian, anda akan membuat penyesuaian Laporan Pedagang anda dengan Laporan Penyelesaian untuk Transaksi yang berkaitan. Jika anda mendapati sebarang percanggahan dalam, atau mempunyai sebarang pertikaian yang berkaitan dengan Penyelesaian, anda mesti memberi notis dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh Penyelesaian yang menyatakan (a) kemasukan/jumlah yang dipertikaikan, (b) sebab mengapa kemasukan dan/atau jumlah tersebut dipertikaikan, dan apa-apa rekod bertulis atau bukti dokumentari yang menyokong pertikaian tersebut. Sekiranya anda tidak memberi kami sebarang notis bertulis yang mempertikaikan Penyelesaian dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh Penyelesaian, anda bersetuju dan persetujuan tidak dapat ditarik balik bahawa Laporan Penyelesaian dan Penyelesaian sebagai benar dan tepat dan penyata bil tersebut akan mengikat dan menjadi bukti konklusif mengenai ketepatan Laporan Penyelesaian dan Penyelesaian, melainkan sebarang kesilapan yang ketara.

- 7.5 **Pertikaian dengan Pelanggan.**
Kami tidak bertanggungjawab dan kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang Transaksi yang anda buat dengan Pelanggan. Kami tidak akan menjadi pihak kepada sebarang pertikaian yang timbul termasuk tetapi tidak terhad kepada pertikaian mengenai isu prestasi dan liabiliti yang berkaitan dengan penghantaran, kualiti, kuantiti atau penggunaan barangan atau perkhidmatan anda. Semua pertikaian berkenaan dengan Transaksi hendaklah disalurkan secara langsung oleh Pelanggan kepada anda. Apabila anda menyerahkan permintaan kepada kami, kami komited untuk menangani permintaan dengan adil dan menyelesaikan isu-isu selaras dengan Jadual Proses Pertikaian Pedagang-Pelanggan.
- 7.6 **Bayaran Balik dan Caj Balik.**
Anda sedar bahawa penerimaan pembayaran ke dalam Akaun Bank Pedagang tidak bererti dana pembayaran telah diselesaikan dan diterima. Anda tetap bertanggungjawab kepada kami untuk jumlah penuh bagi sebarang Bayaran Balik dan Caj Balik yang dikeluarkan. Sekiranya kami tidak dapat mendapatkan semula secara sepenuhnya Bayaran Balik dan/atau Caj Balik, anda perlu membayar semula Bayaran Balik dan / atau Caj Balik kepada kami dengan serta-merta tanpa notis.
- 7.7 **Potongan.**
Sekiranya nilai Potongan melebihi nilai Transaksi, kami berhak untuk menolak, mengurangkan (*set-off*) dan / atau menahan, sebarang Penyelesaian terhadap kekurangan tersebut. Sekiranya kami tidak dapat mendapatkan semula nilai kekurangan secara sepenuhnya, kekurangan tersebut perlu dibayar secara segera tanpa notis.
- 7.8 **Deposit.**
Sekiranya anda dikehendaki membayar Deposit, Deposit sedemikian mesti dikekalkan dalam tempoh tersebut. Tanpa keizinan bertulis daripada kami terlebih dahulu, Deposit tidak boleh dianggap sebagai bayaran Caj & Fi. Anda bersetuju bahawa hanya kami boleh menggunakan Deposit tersebut dalam apa-apa cara terhadap jumlah yang anda hutang kepada kami dan dalam keadaan sedemikian, anda mesti membayar jumlah tambahan sebagai Deposit kepada kami. Tertakluk kepada pematuhan Perjanjian dan selepas penamatan, kami akan membayar balik Deposit dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh penamatan.
- 7.9 **Pengurangan (*set-off*) dan/atau Tuntutan Balas.**
Sebagain tambahan kepada Klausula 7.7, kami berhak untuk menolak, mengurangkan (*set-off*) dan/atau tuntutan balas terhadap apa-apa jumlah yang terhutang kepada anda: -
(a) sebarang jumlah yang anda bertanggungjawab untuk membayar kami di bawah Perjanjian ini; dan/atau
(b) sebarang jumlah yang kena dibayar atau perlu dibayar oleh anda untuk memenuhi apa-apa kewajipan atau tanggungan menurut perjanjian lain di mana kami berdua adalah parti.
- 7.10 **Penebusan.**
Kami berhak, pada bila-bila masa, untuk menghantar peringatan atau mengambil langkah-langkah pungutan hutang termasuk tetapi tidak terhad kepada mengarahkan agensi pungutan hutang atau peguam untuk meneruskan tuntutan di mahkamah. Sekiranya kami menggunakan agensi pungutan hutang tersebut, kami mungkin mengenakan bayaran penebusan termasuk semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung. Sekiranya kami memulakan prosiding undang-undang, anda dikehendaki membayar semua yuran, kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran guaman atas dasar peguamcara dan klien dan yuran mahkamah) yang ditanggung oleh kami berkaitan dengan pungutan sedemikian melalui tindakan undang-undang sedemikian.
- 7.11 **Tiada Pembelaan.**

Sekiranya kami memulakan tindakan undang-undang terhadap anda, anda akan bertanggungjawab untuk menanggung rugi dan membayar semua kos dan perbelanjaan undang-undang atas dasar peguamcara dan klien. Anda bersetuju bahawa apa-apa pertikaian berhubung dengan kualiti Perkhidmatan tidak boleh digunakan sebagai alasan atau asas untuk kelewatan atau ketidakbayaran bagi bayaran yang belum dibayar dan perlu dibayar menurut Perjanjian.

7.12 Bukti Konklusif.

Jika anda membuat apa-apa pengakuan atau pengakuan secara bertulis berkaitan jumlah hutang kepada kami dan apa-apa penghakiman yang diperolehi oleh kami terhadap keberhutangan anda adalah muktamad di semua mahkamah di Malaysia dan di tempat lain. Melainkan apa-apa kesilapan yang ketara, anda secara nyata bersetuju dan persetujuan tidak dapat ditarik balik, bahawa suatu perakuan hutang yang dikeluarkan oleh pegawai kami adalah bukti yang konklusif dan muktamad tentang amaun yang telah dihutang oleh anda kepada kami dan ini adalah bukti muktamad terhadap anda dalam sebarang prosiding undang-undang.

8. PROMOSI

- 8.1 Kami mungkin menawarkan Promosi kepada anda dari semasa ke semasa. Terma bagi setiap Promosi akan disediakan dalam terma khusus untuk Perkhidmatan yang berkaitan. Sekiranya anda menyertai Promosi, Terma Promosi akan mengatasi Terma dan Syarat Pedagang ini setakat terma bagi Promosi bercanggah dengan Terma dan Syarat Pedagang. Selepas tempoh Promosi tamat, Promosi akan tamat dan Terma dan Syarat Pedagang ini akan terus terpakai.

9. REPRESENTASI DAN JAMINAN

- 9.1 Setiap pihak mewakili dan memberi jaminan kepada pihak yang lain bahawa: -
- (a) Kuasa dan autoriti. Perjanjian ini merupakan kewajipan yang sah dan mengikat di sisi undang-undang dan setiap pihak mempunyai kuasa penuh dan autoriti untuk menandatangani *Merchant Onboarding Form*, apa-apa dokumen lain, jadual dan lampiran yang terpakai, dan telah mengambil semua kelulusan yang diperlukan berkaitan pelaksanaan di bawah Perjanjian ini.
 - (b) Pematuhan Undang-undang. Ia mempunyai dan akan mengekalkan semua lesen, permit, kebenaran, kelulusan dan keperluan undang-undang lain (termasuk yang diperlukan oleh undang-undang asing atau antarabangsa) yang terpakai bagi menjalankan perniagaan masing-masing dan mematuhi semua syarat-syarat dalam menjalankan perniagaan itu, dan masing-masing tidak sedar terdapat sebarang pelanggaran atau apa-apa penolakan atau pembatalan yang dimaksudkan atau yang direncanakan untuk sebarang lesen, permit, kebenaran, kelulusan dan / atau keperluan statutori lain.
- 9.2 Anda selanjutnya mewakili dan memberi jaminan kepada kami bahawa: -
- (a) pelaksanaan kewajipan dan tanggungjawab yang terkandung dalam Perjanjian tidak akan melanggar mana-mana perjanjian lain yang mana anda merupakan salah satu pihak atau yang mana anda terikat; dan
 - (b) semua maklumat yang dikehendaki dan diberikan oleh anda kepada kami berkaitan dengan atau untuk tujuan mana-mana Perkhidmatan yang diberikan di bawah ini adalah betul dan tepat dalam setiap aspek material dan tidak salah, mengelirukan, menipu, dan/atau menyalahi undang-undang dan tidak ada apa-apa di sini akan menyiratkan apa-apa kewajipan di pihak kami untuk mengesahkan ketepatan dan kesahihan maklumat tersebut.

- 9.3 Anda berjanji dan mengakujANJI kepada kami seperti berikut: -
- (a) tidak menggunakan atau membenarkan penggunaan Perkhidmatan itu untuk tujuan bersifat penipuan, menyalahi undang-undang, haram, atau apa-apa tujuan yang tidak wajar dan yang melanggar Undang-Undang;
 - (b) tidak menggunakan atau membenarkan penggunaan Perkhidmatan itu untuk melanggar hak kami, hak pihak ketiga, termasuk Pembekal Pembayaran Pihak Ketiga;
 - (c) tidak melakukan apa-apa yang akan berkompromi atau menjangkiti mana-mana rangkaian atau mana-mana sistem elektronik kami dengan virus komputer, pepijat atau mana-mana elemen sepertinya;
 - (d) tidak melanggar hak harta intelek kami atau hak harta intelektual pihak ketiga; dan
 - (e) tidak mengurus, menerima apa-apa Transaksi atau menerima dana berkaitan dengan mana-mana perbuatan atau amalan haram, penipuan, atau perlakuan manipulatif dan bahawa anda tidak akan menghantar atau menerima dana ke atau daripada sumber haram.

10. PENAFIAN JAMINAN DAN PEMBatasan LIABILITI

- 10.1 PERKHIDMATAN DISEDIAKAN KEPADA ANDA ATAS ASAS 'AS IS', DENGAN SEGALA KESILAPAN. KAMI TIDAK MEMBUAT SEBARANG JENIS REPRESENTASI ATAU JAMINAN, SAMA ADA SECARA LISAN ATAU BERTULIS, SAMA ADA NYATA ATAU TERSIRAT, ATAU TIMBUL OLEH UNDANG-UNDANG, ADAT, URUSAN BERURUSAN, URUSAN PERDAGANGAN, YANG BERHUBUNG DENGAN PERKHIDMATAN.
- 10.2 KAMI TIDAK MEMBUAT REPRESENTASI BAHAWA KEROSAKAN DALAM PENGENDALIAN ATAU KEFUNGSIAN PERKHIDMATAN INI, JIKA ADA, AKAN DIBETULKAN. KAMI MENAFIKAN SEBARANG DAN SEMUA JAMINAN TERSIRAT BERHUBUNG SYARAT-SYARAT HAKMILIK, KEBOLEHDAGANGAN, KELAYAKAN UNTUK TUJUAN TERTENTU, DAN PELANGGARAN.
- 10.3 TIDAK ADA NASIHAT ATAU MAKLUMAT, SAMAADA SECARA LISAN ATAU BERTULIS, YANG ANDA DAPAT DARIPADA KAMI ATAU LAMAN WEB KAMI YANG BOLEH DIANGGAP SEBAGAI JAMINAN SEPERTI YANG DINYATAKAN DI DALAM TERMA.
- 10.4 APA-APA BAHAN, SAMA ADA BAHAN YANG DIMUATTURUN DARIPADA APLIKASI MUDAH ALIH KIPLE ATAU SEBALIKNYA DIPEROLEH MELALUI PENGGUNAAN PERKHIDMATAN DIBUAT ATAS BUDI BICARA DAN RISIKO ANDA SENDIRI DAN ANDA AKAN BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA BAGI SEBARANG KEROSAKAN TERHADAP SISTEM KOMPUTER ANDA, PERANTI MUDAH ALIH, ATAU KEHILANGAN DATA SEBAGAI KESAN DARIPADA MUAT TURUN BAHAN-BAHAN TERSEBUT ATAU APLIKASI MUDAH ALIH KIPLE.
- 10.5 OLEH KERANA INFRASTRUKTUR INTERNET YANG BERSIFAT GLOBAL, KAMI TIDAK MENJAMIN BAHAWA PERKHIDMATAN KAMI ATAU PERKHIDMATAN YANG DIKENDALIKAN OLEH PIHAK KAMI ADALAH SECARA BERTERUSAN, TIDAK AKAN TERGANGGU DAN SENTIASA DALAM KEADAAN SELAMAT (TERMASUK SEBARANG RANGKAIAN DAN PELAYAN YANG DIGUNAKAN). IA MUNGKIN TERJEJAS OLEH FAKTOR-FAKTOR LAIN YANG DI LUAR KAWALAN PIHAK KAMI. TERDAPAT RISIKO PENIPUAN ATAS TALIAN, PENCURIAN IDENTITI, PENIPUAN KAD KREDIT, PENIPUAN PEMBAYARAN BALIK, PENIPUAN CAJ BALIK, ATAU TRANSAKSI PENIPUAN YANG LAIN. KAMI INGIN MEMPERINGATKAN ANDA UNTUK MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH SECARA BERWASPADA.
- 10.6 KAMI TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA ANDA SAMA SEKALIBAGI PERKARA DI BAWAH KLAUSA 10 INI.

11. HAK HARTA INTELEK

- 11.1 Hanya untuk tempoh dan tujuan Perjanjian ini, pihak-pihak memberi satu sama lain satu lesen bukan eksklusif, seluruh dunia (*worldwide*), bebas royalti, tidak boleh dipindah milik untuk menyalin, menggunakan dan memaparkan apa-apa logo, tanda dagangan, nama dagang atau harta intelek yang dimiliki oleh, atau dilesenkan kepada pihak yang satu lagi, setakat mana setiap pihak berhak untuk memberikan sublesen.
- 11.2 Kecuali sebagaimana yang dinyatakan secara nyata, tiada apa-apa dalam Perjanjian yang memberi atau dianggap sebagai memberi kepada mana-mana pihak apa-apa hak, hakmilik atau kepentingan dalam apa-apa logo, tanda dagangan, nama dagang atau harta intelek lain yang dilesenkan kepada pihak itu oleh pihak yang satu lagi.
- 11.3 Dalam menggunakan harta intelek pihak yang satu lagi (atau harta intelek yang dilesenkan kepada pihak yang satu lagi melalui pihak ketiga), setiap pihak hendaklah mematuhi arahan yang munasabah oleh pihak yang satu lagi dengan mengambil kira tujuan penggunaan itu di bawah Perjanjian dan bidang kuasa di mana pihak yang satu lagi menggunakan harta intelek. Berkenaan dengan harta intelek yang dimiliki atau dilesenkan oleh pihak ketiga, anda juga harus mematuhi arahan yang diberikan oleh pihak ketiga. Anda tidak boleh menggunakan harta intelek sedemikian dengan cara yang boleh merosakkan perniagaan atau jenama pihak ketiga.
- 11.4 Setiap pihak menjamin dan mewakili bahawa ia memiliki atau mempunyai hak untuk menggunakan dan sub-lesen mana-mana harta intelek yang digunakan atau dilesenkan kepada pihak yang satu lagi.
- 11.5 Tanpa menjejaskan hak kami untuk memberi arahan di bawah Klausa 11.3, kami berhak pada bila-bila masa dan mengikut budi bicara kami untuk menghendaki anda berhenti mempamerkan, mengedarkan atau menggunakan Tanda Promosi, dan / atau harta intelek yang dilesenkan kepada anda oleh kami.

12. MAKLUMAT SULIT

- 12.1 Pihak yang Menerima mengakui bahawa ia akan mempunyai akses kepada Maklumat Sulit Pihak yang Menzahirkan. Pihak yang Menerima bersetuju bahawa ia tidak akan menggunakan dengan apa-apa cara, untuk akaun sendiri atau akaun pihak ketiga, kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perjanjian, dan tidak mendedahkan kepada mana-mana pihak ketiga (kecuali sebagaimana yang diperlukan oleh Undang-Undang atau peguam Pihak yang Menerima, akauntan dan penasihat lain yang semunasabahnya diperlukan), mana-mana Maklumat Sulit Pihak yang Menzahirkan dan akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk melindungi kerahsiaan maklumat tersebut daripada penzahiran kepada orang lain, menggunakan tahap penjagaan yang sama yang digunakan untuk melindungi Maklumat Sulit sendiri.
- 12.2 Pengecualian. Maklumat tidak akan dianggap sebagai Maklumat Sulit jika maklumat tersebut:-
- (a) sudah pun berada dalam domain awam atau menjadi sedemikian tanpa kesalahan dibuat oleh Pihak yang Menerima;
 - (b) dibangunkan secara bebas oleh Pihak yang Menerima atau mana-mana pekerja, ejen atau wakilnya yang tidak mempunyai akses kepada Maklumat Sulit yang diberikan oleh Pihak yang Menzahirkan;
 - (c) diterima dengan sah oleh Pihak yang Menerima daripada pihak ketiga, selain daripada yang memperoleh maklumat tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung sebagai akibat daripada pelanggaran apa-apa kewajipan berhubung kerahsiaan kepada Pihak yang Menzahirkan; atau

- (d) dizahirkan mengikut Undang-undang dengan syarat bahawa Pihak yang Menerima serta-merta memaklumkan Pihak yang Menzahirkan mengenai keperluan tersebut dan peluang yang munasabah diberikan oleh Pihak yang Menerima kepada Pihak yang Menzahirkan untuk memfailkan atau mendapatkan suatu perintah perlindungan atau selainnya untuk melindungi, di bawah mana-mana Undang-undang yang terpakai, kepentingan Pihak yang Menzahirkan.
- 12.3 Remedi. Walau apa pun yang bertentangan dalam Perjanjian, sekiranya berlaku pelanggaran Klausu ini yang disengajakan, pihak yang tidak melanggarnya berhak menerima sebarang remedi yang sedia ada di undang-undang dan/atau ekuiti.
- 12.4 Klausu ini bertahan penamatan atau tamatnya tempoh Perjanjian.

13. LIABILITI DAN PENGECCUALIAN LIABILITI

- 13.1 Anda berjanji untuk membayar ganti rugi kepada kami, pengarah, pegawai, pemegang saham, pekerja dan/atau Gabungan kami dan memastikan pengarah, pegawai, pemegang saham, pekerja, kontraktor, wakil, dan/atau Gabungan kami dibayar ganti rugi akibat dan terhadap semua Tuntutan dan Kerugian pada setiap masa, bagaimanapun timbul, sekiranya berlaku akibat daripada:-
- (a) sebarang Transaksi atau urusan niaga lain antara anda dan Pengguna;
 - (b) sebarang pelanggaran atau ketidaklaksanaan akujanji, representasi dan jaminan atau kewajipan anda di bawah Perjanjian;
 - (c) pelanggaran harta intelek kami atau harta intelek pihak ketiga;
 - (d) sebarang akses yang tidak dibenarkan kepada mana-mana Perkhidmatan, Platform, rangkaian kami atau rangkaian pembekal kami, melalui penggodaman, perlombongan kata laluan atau apa-apa cara lain;
 - (e) apa-apa fi, denda, penalti atau caj yang dikenakan oleh Pembekal Pembayaran Pihak Ketiga terhadap kami kerana apa-apa tindakan, peninggalan dan / atau kecuaiannya oleh anda berkenaan dengan Transaksi dan / atau penyediaan Perkhidmatan kepada anda;
 - (f) salah laku, penipuan, ketidakjujuran dan / atau kecuaiannya di pihak anda berkenaan dengan sebarang Transaksi atau penggunaan Perkhidmatan kami;
 - (g) Klausu 10.5;
 - (h) pelanggaran Maklumat Sulit; dan/atau
 - (i) pelanggaran Undang-Undang.
- 13.2 Tertakluk kepada Klausu 13.3, 13.4, 13.5 dan 13.6, kami menerima liabiliti bagi apa-apa kerugian langsung yang anda alami atau tanggung sebagai akibat langsung daripada kecuaiannya kami yang dapat dibuktikan, kecuali sekiranya kecuaiannya atau pelanggaran itu disebabkan atau disumbangkan oleh anda.
- 13.3 Kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk apa-apa perkara berikut: -
- (a) sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin timbul akibat kegagalan anda untuk melindungi kata laluan atau akaun anda;
 - (b) sebarang pemberhentian (secara kekal atau sementara) dalam menyediakan mana-mana Perkhidmatan (atau apa-apa ciri dalam Perkhidmatan);
 - (c) sebarang ketidakupayaan untuk mengakses akaun anda, Perkhidmatan, atau mana-mana bahagiannya;
 - (d) penghapusan, kerosakan, atau kegagalan untuk menyimpan, apa-apa Transaksi, dan data komunikasi lain yang dikekalkan atau dihantar oleh atau melalui Portal;
 - (e) sebarang larangan, gangguan, penggantungan, dan / atau pemberhentian penggunaan mana-mana Perkhidmatan atau Platform (sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya);
 - (f) arahan pembayaran yang diterima mengandungi maklumat yang tidak betul atau tidak diformatkan dengan betul;

- (g) sebarang Transaksi yang dibuat dengan Pelanggan;
 - (h) sebarang penggantungan atau keengganan untuk menerima bayaran yang mana kami percaya secara munasabah dibuat secara penipuan atau tanpa kebenaran yang sepatutnya;
 - (i) pematuhan kepada Undang-undang, Pihak Berkuasa Yang Berkenaan atau ketidakpatuhan yang boleh menjejaskan pembekalan Perkhidmatan, atau mana-mana bahagiannya;
 - (j) sebarang akses yang tidak dibenarkan ke akaun, data, rangkaian atau sistem anda, bagaimanapun timbul, walaupun akses tidak sah itu disebabkan oleh sebarang tindakan, peninggalan dan/atau kecuaiian di pihak kami dan/atau pengarah, pegawai, pemegang saham, pekerja, kontraktor, wakil dan/atau Gabungan kami;
 - (k) sebarang tuntutan untuk fitnah, pelanggaran harta intelek pihak ketiga; perkakasan, perisian atau sambungan internet tidak berfungsi dengan betul;
 - (l) kehilangan data;
 - (m) sekiranya anda adalah sub-pedagang, sebarang isu dan/atau pertikaian yang anda ada dengan pedagang induk;
 - (n) sekiranya anda adalah sub-pedagang, sebarang isu dan/atau pertikaian yang kami mungkin ada dengan pedagang induk anda; dan/atau
 - (o) kejadian Force Majeure.
- 13.4 Walau apa pun yang bercanggahan, sekiranya kami, pengarah, pegawai, pemegang saham, pekerja, kontraktor, wakil dan/atau Gabungan kami didapati bertanggungjawab, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, oleh Pihak Berkuasa Yang Berkenaan atau di mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten, anda bersetuju bahawa jumlah liabiliti agregat kami, pengarah, pegawai, pemegang saham, pekerja, kontraktor, wakil dan/atau Gabungan kami tidak melebihi Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10, 000.00) sahaja. Batasan ini akan terpakai tanpa mengambil kira punca tindakan atau teori undang-undang yang dirayukan atau ditegaskan.
- 13.5 Kedua-dua pihak tidak akan bertanggungjawab kepada pihak yang satu lagi untuk sebarang kehilangan hasil, kontrak, pelanggan, muhibah atau simpanan atau keuntungan yang dijangkakan, perbelanjaan yang tersia, atau sebarang kerugian dan/atau ganti rugi tidak langsung, turutan, berkaitan, istimewa, punitif atau teladan tanpa mengira apa-apa pun yang ditanggung dan/ atau dikekalkan oleh salah satu pihak akibat pelanggaran Perjanjian, tamatnya atau penamatan Perjanjian (bahkan jika kerugian tersebut timbul secara langsung, secara biasa atau dalam hal biasa dari pelanggaran, tindakan atau ketinggalan dipertikaikan), sama ada liabiliti ditegaskan atas dasar kontrak, tort (termasuk kecuaiian atau liabiliti ketat) atau sebaliknya, walaupun ia dinasihatkan tentang kemungkinan ganti rugi sedemikian.
- 13.6 Mana-mana pihak ("Pihak yang Menanggung Rugi") akan mempunyai kewajiban dan hak untuk mempertahankan sebarang tuntutan, tindakan, guaman atau prosiding yang dibawa terhadap pihak yang satu lagi ("Pihak yang Ditanggung Rugi") setakat ia berdasarkan tuntutan bahawa barangan, produk, perkhidmatan dan/atau bahan melanggar hak harta intelek pihak ketiga ("Tuntutan IPR"). Pihak Pihak yang Menanggung Rugi akan menanggung rugi Pihak yang Ditanggung Rugi, terhadap apa-apa penghakiman muktamad yang dibuat berkenaan dengan Tuntutan IPR tersebut oleh tribunal, dan / atau mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten dan terhadap apa-apa penyelesaian yang timbul daripada Tuntutan IPR tersebut. Sekiranya berlaku Tuntutan IPR tersebut:-
- (a) Pihak yang Ditanggung Rugi akan memaklumkan Pihak yang Menanggung Rugi secepat mungkin mengenai Tuntutan IPR;
 - (b) Pihak yang Ditanggung Rugi akan memberikan Pihak yang Menanggung Rugi autoriti untuk melakukan pembelaan dan penyelesaian Tuntutan IPR dan apa-apa rayuan berikutnya, dengan syarat bahawa, Pihak Yang Ditanggung Rugi dibenarkan untuk melibatkan peguamnya sendiri untuk bertindak bagi pihaknya dengan kos ditanggung oleh Pihak Yang Menanggung Rugi (atas dasar peguamcara dan klien); dan

- (c) Pihak yang Ditanggung Rugi akan memberikan semua maklumat dan bantuan yang semunasabahnya diminta oleh Pihak Yang Menanggung Rugi berhubung dengan perlakuan pembelaan dan penyelesaian Tuntutan IPR dan sebarang rayuan berikutnya.

14. HAK KAMI UNTUK MEMBUAT PERUBAHAN

- 14.1 Kami boleh mengubah apa-apa terma dan syarat Terma dan Syarat Pedagang ini, dan apa-apa terma dan syarat lain yang sedia ada di Laman Web, pada bila-bila masa dengan notis. Apabila perubahan dibuat, ia akan berkuatkuasa serta merta apabila dipaparkan di Laman Web. Anda memahami dan bersetuju bahawa jika anda terus mengekalkan akaun dengan kami selepas tarikh tersebut atau terus mengakses dan / atau menggunakan Perkhidmatan, di mana istilah tersebut telah berubah, kami akan menganggap anda telah menerima perubahan tersebut. Terma dan Syarat Pedagang akan terpakai secara retrospektif.
- 14.2 Sebarang terma atau syarat dalam komunikasi anda atau dokumentasi lain yang dibekalkan oleh anda yang berbeza daripada, sebagai tambahan kepada, atau tidak konsisten dengan apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan di sini adalah dengan ini dibantah dan ditolak, dan melainkan jika selepas ini secara khusus diterima secara bertulis oleh wakil kami yang telah diberi kuasa dengan sewajarnya mempunyai kuasa untuk mengikat kami, terma atau syarat tersebut tidak akan mengikat atau berkesan terhadap kami.
- 14.3 Kami juga sentiasa berkembang untuk memberikan pengalaman dan maklumat terbaik kepada anda dan Pelanggan. Oleh itu, anda mengakui dan bersetuju bahawa bentuk dan sifat Perkhidmatan kami mungkin berubah dari semasa ke semasa. Sebagai sebahagian daripada proses yang berterusan ini, kami mungkin berhenti (secara kekal atau sementara) menyediakan mana-mana Perkhidmatan (atau sebarang ciri dalam Perkhidmatan) kepada anda. Kami akan memberi anda notis awal. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk perubahan atau pemberhentian tersebut.

15. PERLINDUNGAN DATA, KERAHSIAAN DAN ANTI RASUAH

- 15.1 **Data Peribadi Anda**
Jika anda adalah pemilik tunggal atau individu yang menjadi sebahagian daripada perkongsian, kami akan mengumpul dan memproses Data Peribadi anda mengikut Dasar Privasi kami. Oleh itu, sila rujuk kepada Dasar Privasi kami.
- 15.2 **Data Peribadi Pelanggan.**
Kedua-dua pihak mengakui tugas masing-masing di bawah PDPA, dan dengan ini berjanji untuk mematuhi kewajipan dan tanggungjawab mereka di bawah PDPA dan akan memberi semua bantuan yang munasabah kepada satu sama lain jika sesuai atau perlu untuk mematuhi apa-apa kewajipan yang timbul di bawah PDPA yang mungkin terpakai kepada Perjanjian.
- 15.3 **Kerahsiaan.**
Anda mengakui keperluan ketat berhubung kewajipan kerahsiaan yang dikenakan pada kami mengikut seksyen 133 kepada Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan/atau sebarang peraturan lain dan dengan ini mengakujaji agar tidak melakukan atau menyebabkan sebarang tindakan atau ketinggalan yang mungkin menyebabkan kami untuk melanggar kewajipan ketat kami berhubung kerahsiaan dan kewajipan yang dinyatakan di atas.
- 15.4 **Anti Rasuah.**
Setiap Pihak akan: -

- (a) mematuhi semua undang-undang, peraturan, kod, sekatan berkaitan dengan anti rasuah yang terpakai;
- (b) mempunyai dan hendaklah mengekalkan dasar dan prosedur anti rasuah yang mencukupi di sepanjang tempoh Perjanjian ini dan akan menguatkuasakannya jika sesuai; dan
- (c) serta-merta melaporkan kepada pihak yang satu lagi apa-apa permintaan untuk apa-apa faedah kewangan atau lain-lain dalam sebarang bentuk yang diterima berkaitan dengan pelaksanaan Perjanjian ini.

16. PENGGANTUNGAN DAN PENAMATAN

- 16.1 Kami berhak untuk menggantung pembekalan mana-mana atau semua Perkhidmatan, pada bila-bila masa, dengan notis atau tidak, atas budi bicara mutlak, tanpa liabiliti:-
- (a) sekiranya anda tidak membuat pembayaran penuh sebarang Caj & Fi kepada kami;
 - (b) sekiranya anda melanggar terma dan syarat Perjanjian ini;
 - (c) jika kami membentuk kepercayaan munasabah bahawa akaun anda mempunyai risiko tinggi yang tidak boleh diterima kepada kami atau kepada pengguna lain;
 - (d) untuk melindungi kepentingan sah kami;
 - (e) terdapat kecurigaan yang munasabah terdapat penipuan, dan/atau sebarang aktiviti haram;
 - (f) jika anda gagal bekerjasama dengan mana-mana penyiasatan dan/atau pertanyaan yang dijalankan dan/atau dibawa oleh Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, berkenaan dengan mana-mana pelanggaran yang dicurigai atau pelanggaran mana-mana Undang-undang;
 - (g) jika kami menerima perintah, arahan, notis dan/atau arahan daripada mana-mana Pihak Berkuasa Yang Berkenaan untuk berbuat demikian;
 - (h) kejadian Force Majeure; dan/atau
 - (i) apa-apa sebab lain yang kami anggap wajar.
- 16.2 Penggantungan yang dilaksanakan di atas tidak akan menghalang kami daripada melaksanakan hak kami untuk menamatkan Perjanjian dan Perkhidmatan dengan anda berkenaan dengan pelanggaran yang sama.
- 16.3 Anda boleh menutup akaun anda dan menamatkan hubungan anda dengan kami pada bila-bila masa dengan memberi kami notis enam puluh (60) hari terlebih dahulu tetapi anda tetap akan bertanggungjawab terhadap semua kewajipan yang berkaitan dengan akaun anda walaupun akaun ditutup. Apabila anda menutup akaun anda, kami akan membatalkan sebarang Transaksi yang dijadualkan atau tidak lengkap.
- 16.4 Walaupun kami boleh menangguhkan Perkhidmatan, anda tidak boleh menutup akaun anda, termasuk: -
- (a) untuk mengelakkan penyiasatan;
 - (b) jika anda mempunyai transaksi yang belum selesai atau pertikaian atau tuntutan terbuka; dan/atau
 - (c) sekiranya anda mempunyai hutang dengan kami.
- 16.5 Kami akan mempunyai budi bicara mutlak untuk menamatkan Perjanjian dengan anda, Platform (sama ada secara keseluruhan atau sebahagian), dan / atau Perkhidmatan (sama ada secara keseluruhan atau sebahagian) pada bila-bila masa, dengan notis, tanpa liabiliti kepada anda, untuk apa-apa sebab.
- 16.6 Penamatan Perkhidmatan atau Perjanjian tidak akan bertindak sebagai penepian terhadap sebarang liabiliti atau kewajipan yang anda mungkin terakru pada atau sebelum tarikh penamatan tersebut.

- 16.7 Jika Perjanjian ditamatkan, anda akan: -
- (a) serta-merta berhenti menggunakan semua Tanda Promosi dan bahan kepada kami.
 - (b) serta-merta berhenti menggunakan harta intelek kami, atau pemberi lesen kami;
 - (c) serta-merta berhenti menggunakan harta intelek Pembekal Pembayaran Pihak Ketiga; dan
 - (d) dalam tempoh 30 hari daripada penamatan, hantar kepada kami atau secara rahsia melupuskan mengikut arahan kami semua Maklumat Sulit kami dalam pemilikan atau kawalan anda.
- 16.8 Klausula-klausula yang dengan sifatnya akan bertahan selepas penamatan atau tamatnya Perjanjian itu akan terus bertahan.

17. RESOLUSI PERTIKAIAN

- 17.1 Sekiranya berlaku sebarang pertikaian antara pihak-pihak yang timbul daripada atau berkaitan dengan Perjanjian, atas permintaan bertulis oleh salah satu pihak, masing-masing pihak akan melantik wakil yang ditetapkan untuk menggunakan usaha terbaik untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Wakil yang ditetapkan adalah eksekutif dengan kuasa yang mencukupi untuk terlibat dengan niat baik dan mampu mengikat parti yang diwakilinya.
- 17.2 Sekiranya pertikaian atau tuntutan itu tidak dapat diselesaikan oleh wakil yang ditetapkan dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada rujukan pertikaian tersebut kepada wakil yang ditetapkan, perkara itu hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dinyatakan dalam Klausula 18.8.

18. PERUNTUKAN AM

- 18.1 Komunikasi anda dengan kami.
Jika anda ingin membuat aduan, pertikaian mengenai Platform atau Perkhidmatan, atau memberi kami surat permintaan, proses undang-undang atau komunikasi lain yang berkaitan dengannya (secara kolektif dikenali sebagai "Notis Rasmi"), anda harus alamatkan satu salinan Notis Rasmi ke bahagian undang-undang kami. Notis Rasmi boleh dihantar melalui tangan, kurier dan / atau pos berdaftar prabayar ke alamat berikut: -

Ketua Bahagian Undang-Undang
Kiplepay Sdn Bhd
The Ascent, Paradigm
B-23A-3, No 1 Jalan SS7/26A
47301 Petaling Jaya, Malaysia

Kami boleh memberikan Notis Rasmi atau komunikasi lain kepada anda melalui mel elektronik, dihantar melalui tangan, kurier dan / atau pos biasa prabayar atau pos berdaftar (bukan AR Berdaftar), faksimili ke alamat yang anda berikan kepada kami. Kami juga boleh memberi anda Notis Rasmi, atau komunikasi lain ke alamat terakhir anda yang diketahui dalam rekod kami.

Notis Rasmi atau komunikasi lain hendaklah dianggap berkesan: -

- (a) Jika melalui mel elektronik atau penghantaran tangan, pada hari penghantaran;
- (b) Jika melalui pos berdaftar prabayar, tiga (3) hari selepas ia telah dihantar dengan sewajarnya;
- (c) Jika melalui kurier, satu (1) hari selepas penghantaran; atau
- (d) Jika melalui faksimili, pada hari penghantaran dibuat dengan syarat laporan penghantaran daripada mesin faksimili penghantar mengesahkan bahawa penghantaran telah dilaksanakan sepenuhnya dan tanpa kesilapan.

Anda bersetuju bahawa sekiranya sebarang tindakan dimulakan di mahkamah di Malaysia berhubung akses dan / atau penggunaan Perkhidmatan dan / atau Platform anda, proses undang-undang dan dokumen lain boleh disampaikan dengan menghantar dokumen kepada anda dengan mendaftar pos (bukan Pos Berdaftar AR) di alamat yang anda berikan kepada kami atau alamat terakhir anda dalam rekod kami dan penyampaian sedemikian hendaklah pada hari kelima (5) selepas diposkan, dianggap sebagai perkhidmatan yang baik dan mencukupi bagi proses undang-undang atau dokumen sedemikian.

- 18.2 Apa yang berlaku sekiranya terdapat kejadian Force Majeure?
- (a) Kedua-dua pihak tidak akan dianggap sebagai melanggar Perjanjian setakat pelaksanaan kewajipan masing-masing dihalang oleh kejadian Force Majeure yang timbul selepas permulaan Perjanjian di bawah Klausa 4.1.
 - (b) Pihak yang terjejas (“Pihak Terjejas”) yang dihalang daripada melaksanakan kewajibannya di bawah Perjanjian perlu memberi notis kepada pihak yang satu lagi mengenai kejadian Force Majeure apabila ia dapat dijangka oleh, atau diketahui, oleh Pihak Terjejas.
 - (c) Secepat mungkin selepas tarikh permulaan kejadian Force Majeure, Pihak Terjejas akan menyerahkan kepada pihak yang satu lagi bukti munasabah mengenai sifat kejadian Force Majeure dan kesannya terhadap pelaksanaan kewajipan oleh Pihak Terjejas di bawah Perjanjian.
 - (d) Sekiranya dan setakat kami dihalang daripada membekalkan Perkhidmatan akibat kejadian Force Majeure, sementara kami dihalang sedemikian, kami akan bebas daripada kewajipan kami untuk membekalkan Perkhidmatan.
 - (e) Pihak-pihak akan dengan suci hati menggunakan usaha sewajarnya untuk mengatasi kesan kejadian Force Majeure, mengurangkan kesan sebarang kejadian Force Majeure, termasuk menggunakan alternatif yang boleh diterima oleh kedua-dua pihak (di mana penerimaan tidak boleh disekat dengan tidak munasabah oleh mana-mana pihak) sumber kerjasama yang dipertimbangkan oleh Perjanjian.
 - (f) Sekiranya kelewatan dalam pelaksanaan atau ketidaklaksanaan berterusan untuk tempoh lebih enam (6) bulan daripada kejadian tersebut maka mana-mana pihak berhak untuk menamatkan Perjanjian dengan segera dan kedua-dua pihak tidak akan mempunyai tuntutan terhadap pihak yang satu lagi berkenaan penamatan tersebut kecuali pelanggaran sebelum itu.
- 18.3 Tiada Perkongsian.
- Anda dan kami adalah kontraktor bebas dan penggunaan Perkhidmatan kami tidak akan mewujudkan sebarang hubungan perkongsian, usahasama, pekerjaan, francais atau agensi antara anda dan kami. Anda tidak mempunyai kuasa untuk mengikat kami atau menanggung kewajipan bagi pihak kami tanpa keizinan bertulis kami terlebih dahulu, kecuali kami menyatakan dengan jelas sedemikian.
- 18.4 Bilakah kita menepikan hak di bawah Perjanjian ini?
- Jika anda melanggar syarat dan syarat Perjanjian dan kami tidak menggunakan hak yang kami miliki kerana pelanggaran anda, kami tidak semestinya mengabaikan hak kami untuk melaksanakan hak tersebut kerana pelanggaran anda pada bila-bila masa kemudian.
- 18.5 Bilakah anda dan kami boleh memindahkan atau menyerahhakkan Perjanjian?
- Anda tidak dibenarkan memindahkan atau menyerahhakkan Perjanjian ini (atau mana-mana bahagiannya) kepada mana-mana pihak ketiga melainkan kami memberi anda kebenaran bertulis untuk berbuat sedemikian. Walau bagaimanapun, kami boleh memindahkan atau menyerahkan Perkhidmatan, Platform dan/atau Perjanjian (atau mana-mana bahagiannya) kepada Gabungan kami atau mana-mana pihak ketiga dengan memberikan notis bertulis kepada anda. Perjanjian ini akan memberi manfaat kepada penerima dan pengganti yang dibenarkan dari pihak kami atau anda.

- 18.6 Pengasingan.
Sekiranya mana-mana peruntukan Perjanjian ditentukan oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten sebagai tidak sah, haram atau tidak boleh dikuatkuasakan, kesahihan, kesahan dan kebolehuatkuasaan peruntukan yang lain yang terkandung di sini tidak akan terjejas dalam apa cara sekalipun.
- 18.7 Tempoh Had.
Anda bersetuju bahawa apa-apa kuasa tindakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan akses dan / atau penggunaan Perkhidmatan atau Platform mesti bermula dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas timbulnya kuasa tindakan tersebut; jika tidak, kuasa tindakan sedemikian adalah dihaling secara kekal.
- 18.8 Undang-undang yang Mentadbir.
Perjanjian ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia tanpa mengambil kira prinsip sengketa undang-undang. Anda dan kami tunduk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia, dan anda menepikan sebarang bantahan atas alasan tempat atau *forum non-conveniens* atau alasan yang serupa.
- 18.9 Bahasa.
Sekiranya Perjanjian diterjemahkan ke dalam mana-mana bahasa lain dan terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi bahasa asing Perjanjian ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
- 18.10 Keseluruhan Perjanjian.
Perjanjian ini menetapkan keseluruhan perjanjian antara anda dan kami dan menggantikan apa-apa persetujuan atau perjanjian sebelum ini yang mungkin kami ada dengan anda, sama ada secara lisan atau secara bertulis.
- 18.11 Penghantaran Tandatangan Asal dan Pelaksanaan *Multiple Counterparts*.
Sekiranya terdapat sebarang dokumen yang memerlukan tandatangan anda, tandatangan asal yang dihantar dan diterima melalui faksimili atau penghantaran elektronik lain dari dokumen yang diimbas, (misalnya, pdf atau format yang serupa) adalah tanda tangan yang benar dan sah untuk semua tujuan di bawah Perjanjian ini dan akan mengikat kedua-dua pihak setakat yang sama dengan tandatangan asal.

Sekiranya anda dikehendaki menandatangani anda secara elektronik pada mana-mana peranti atau peralatan digital, tandatangan tersebut adalah tandatangan yang benar dan sah untuk semua tujuan di bawah Perjanjian ini dan akan mengikat kedua-dua pihak mengikut tahap yang sama seperti tandatangan asal. Prinsip yang sama akan terpakai jika tandatangan elektronik ini selanjutnya dicetak.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Perjanjian, sila hubungi Sokongan Perkhidmatan Pelanggan kami.

[baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]